

Tanding tiga penjuru rebut kerusi Tamparuli

TUARAN (Sabah), Selasa. — Pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Tamparuli pada 16 Julai ini merupakan pertandingan tiga penjuru.

Parti Berjaya yang mempertahankan kerusi itu akan ditentang oleh Parti Perhimpunan Sosial Bersatu Sabah (Pusaka) dan Pertubuhan Kebangsaan Pasok Nunukragang Bersatu (Pasok).

Calon parti Berjaya ialah bekas Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Clarence Mansul, yang juga ahli Parlimen Penampang. Beliau akan ditentang oleh Presiden Pasok, Encik Ignatius Stephen Malanjum dan Presiden Pusaka, Encik Alim Sugara atau Mohamed Halim Sugara.

Mereka menyampaikan borang

penamaan calon masing-masing di bilik gerakan Pejabat Daerah Tuaran di sini pagi ini.

Pilihanraya kecil ini diadakan bagi mengisi kekosongan berikutan perletakan jawatan Datuk Dr James Ongkili yang kini menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Mansul ialah yang pertama tiba di pusat penamaan calon dengan diiringi oleh lebih 300 orang penyokong parti termasuk Datuk Dr Ongkili, yang juga timbalan presiden Berjaya.

Penyokong

Lain-lain pemimpin parti yang hadir ialah Setiausaha Agung, Datuk Haji Mohamed Noor Mansoor, yang juga Menteri Perancangan dan Pembangunan Kewangan Negeri, Menteri Kemajuan Pertanian dan Perikanan Negeri, Datuk Lim Guan Siang dan Menteri Perkhidmatan Masyarakat Negeri, Toh Puan Hajah Rahimah Stephens.

Pemangku Ketua Menteri, Tan Sri Haji Suffian Koroh tiba sejeurus sebelum pegawai pilihanraya, Encik Yahya Ahmad Shah, yang juga Pegawai Daerah, mengumumkan nama calon-calon yang bakal bertanding.

Encik Malanjum tiba di pusat tersebut 10 minit selepas calon Berjaya dengan diiringi oleh 100 orang penyokong membawa sepanduk-sepanduk termasuk yang berbunyi "kami mahukan suara pembangkang" orang ramai yang berhimpun di kawasan Pejabat Daerah tidak sedar ketibaan pencabar dari Pusaka. Mereka hanya tahu Encik Halim adalah seorang calon apabila borang-borang pencalonan dipamerkan dalam masa bantahan dari pukul 11 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Datuk Dr Ongkili, yang juga ahli Parlimen kawasan Tuaran yang meliputi kawasan Tamparuli, pertama kali memenangi kerusi itu dalam satu pilihanraya kecil tahun 1976. .. Bernama.